

## Penyata Pengerusi

### Tinjauan Menyeluruh

Meskipun terdapat peningkatan dalam unit jualan, Kumpulan mengalami tahun yang mencabar, berikutan perubahan dalam komposisi campuran jualan yang lebih cenderung kepada kenderaan berharga lebih rendah, mengakibatkan pengurangan dalam hasil jualan dan keuntungan Kumpulan.

### Prestasi

Hasil Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 menurun sebanyak 6% kepada RM1.5 bilion disebabkan oleh perubahan dalam komposisi campuran jualan. Keuntungan bersih sebanyak RM27.9 juta daripada operasi perdagangan Mercedes-Benz adalah 32% lebih rendah berbanding tahun 2015. Keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang saham berjumlah RM39.1 juta, yang meliputi pendapatan dividen sebanyak RM11.2 juta daripada pelaburan Kumpulan dalam Mercedes-Benz Malaysia, menurun sebanyak 25%.

Unit jualan meningkat sebanyak 6%, tetapi pencapaian margin lebih rendah, disebabkan oleh nisbah yang lebih tinggi daripada C-Class yang mengalami tekanan margin yang serius. Jualan pada tahun 2015 memperoleh manfaat daripada margin yang lebih tinggi daripada model hibrid S-Class dan E-Class. Bahagian selepas jualan Kumpulan terus menunjukkan prestasi yang memuaskan.

Kumpulan terus menyokong pembangunan rangkaian Mercedes-Benz Malaysia. Pembinaan Autohaus baharu di Cheras, Kuala Lumpur telah siap dibina pada suku terakhir 2016, dengan perancangan operasinya akan bermula pada suku pertama 2017. Pada bulan Januari 2017, Syarikat telah mengumumkan cadangan pembelian tapak strategik yang terletak di Sungai Besi, Kuala Lumpur untuk Autohaus baharu. Tapak meliputi kawasan seluas 4,240 meter persegi yang akan berkos RM59.8 juta itu akan dibiayai menerusi dana dalaman dan/atau pinjaman bank.

Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen akhir sebanyak 5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 (2015: 5 sen sesaham).

### Kakitangan

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan atas dedikasi dan usaha gigih dalam menghadapi pelbagai cabaran sejak beberapa tahun yang lepas.

Pada 19 April 2016, saya telah mengambilalih kepimpinan Alex Newbigging sebagai Pengerusi Syarikat, Rossana Annizah binti Ahmad Rashid menggantikan Datuk Syed Tamim Ansari bin Syed Mohamed selaku Timbalan Pengerusi. Adrian Teng menyertai Lembaga Pengarah sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 19 April 2016 manakala Tang Saw Hua menyertai Lembaga Pengarah sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 17 Februari 2017. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Alex Newbigging dan Datuk Syed Tamim Ansari bin Syed Mohamed atas sumbangan mereka, sepanjang tempoh perkhidmatan mereka sebagai Pengarah Syarikat.

### Prospek

Keadaan perdagangan pada tahun 2017 dijangka kekal mencabar dalam menghadapi pasaran domestik yang lemah dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

### Haslam Preston

Pengerusi  
22 Februari 2017